

SEKITARAN MDBG



PENGINDAHAN TAMAN AWAM MENARA TANJAK

*Sempena Hari Pemuliharaan Alam Sekitar
Secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
Majlis Daerah Batu Gajah Bersama
Lions Club Of Ipoh Centennial*

OLD PAPAN RETRO EVENT

Sempena Hari Malaysia 2023



Program
CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)





PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) BERSAMA SYARIKAT WEI DAT STEEL WIRE SDN. BHD.

8 Jun 2023 - Sesi perbincangan bersama Syarikat Wei Dat Steel Wire Sdn. Bhd. dalam siri program Public Private Partnership (PPP) antara Majlis Daerah Batu Gajah bersama komuniti Taman Bemban Raya telah dilaksana bagi cadangan pengindahan kawasan tanah lapang Taman Bemban Raya.

Terima kasih diucapkan kepada Syarikat Wei Dat Steel Wire Sdn.Bhd. dan jawatankuasa penduduk Taman Bemban Raya atas kerjasama yang baik dalam sesi yang berlangsung



Program Corporate Social Service (CSR) Syarikat Sheng Foong Plastic Industries Sdn.Bhd.

Terima kasih diucapkan kepada Syarikat Sheng Foong Plastic Industries Sdn.Bhd. yang telah melaksana aktiviti CSR mengecat railing di Kawasan Perindustrian Ringan Siputeh.

Majlis Daerah Batu Gajah berharap dengan aktiviti seperti ini, hubungan baik antara agensi kerajaan dan swasta dapat dipertingkatkan. Oleh itu, impak positif yang diperolehi dapat dikembalikan kepada komuniti setempat.





PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) BERSAMA SYARIKAT WEI DAT STEEL WIRE SDN. BHD.

24 Jun 2023 - Terima kasih diucapkan kepada Syarikat Wei Dat Steel Sdn.Bhd. serta komuniti Taman Bemban Raya yang sama-sama menjayakan program CSR pada hari ini. Program ini dirasmikan oleh YB Adun Tronoh, Yang Berhormat Encik Tiew Tee Siang dan turut dihadiri Setiausaha Majlis Daerah Batu Gajah, TPr. Andri Arif, ahli majlis dan warga kerja Syarikat Wei Dat Steel Sdn. Bhd.

Semoga sesi "engagement" seperti ini dapat dipraktikkan dan menjadi contoh kepada komuniti penduduk bawah pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah.



KERJA-KERJA PEMBERSIHAN LONGKANG DI TAMAN MEWAH INDAH SECARA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) BERSAMA SYARIKAT PUNCAK EMAS INFRA SDN.BHD.

Bertindak menerusi aduan yang diterima melalui pautan atas talian SISPA, anggota Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah melaksana kerja-kerja pembersihan longkang dengan kerjasama anggota Syarikat Puncak Emas Infra Sdn. Bhd.

MDBG berharap semua komuniti Batu Gajah hendaklah sama-sama menjaga kebersihan. Amalan membuang sampah merata-rata hendaklah dihindari agar persekitaran sekeliling kita bersih dan ceria.

PROGRAM PENGINDAHAN TAMAN AWAM MENARA TANJAK



PROGRAM PENGINDAHAN TAMAN AWAM MENARA TANJAK, BATU GAJAH SEMENA HARI PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR SECARA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BERSAMA LIONS CLUB OF IPOH CENTENNIAL

30 Julai 2023 - Inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah bersama Lions Club of Ipoh Centennial dalam mendidik komuniti menjaga alam sekitar dizahirkan menerusi program pada hari ini.

Pelbagai program telah disediakan antaranya Kaunter Eco Green Market, E-waste, pertandingan mewarna, pertandingan kolaj, kuiz alam sekitar, dan lain-lain lagi.



Jumlah penyertaan daripada agensi, institusi pendidikan dan komuniti yang sangat memberansangkan menunjukkan betapa komitednya warga Batu Gajah dalam usaha bersama melestarikan alam sekitar.

Majlis Daerah Batu Gajah memohon maaf jika ada kekurangan sepanjang program ini dijalankan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga Batu Gajah.



PROGRAM CORPORATE SOCIAL SERVICE (CSR) BERSAMA SYARIKAT ZANTAT SDN.BHD BAGI SUMBANGAN SERTA PENANAMAN POKOK BUNGA DI TAPAK SAMPAH HARAM BANDAR PULAI JAYA

14 Oktober 2023-Terima kasih diucapkan kepada Syarikat Zantat Sdn.Bhd. serta komuniti Bandar Pulai Jaya yang sama-sama menjayakan program CSR pada hari ini. Program ini telah dihadiri oleh Ahli Majlis Majlis Daerah Batu Gajah Encik Khairul Salleh, Setiausaha Majlis Daerah Batu Gajah, TPr. Andri Arif, dan warga kerja Syarikat Zantat Sdn. Bhd.

Semoga sesi "engagement" seperti ini dapat dipraktikkan dan menjadi contoh kepada komuniti penduduk bawah pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah.



Program Gotong-Royong Secara Corporate Social Responsibility (CSR) Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) Bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Yussuf Batu Gajah (SYS)

MDBG memberi sokongan dalam setiap program pembangunan komuniti setempat. Program ini menyasarkan pembersihan dan kekemasan padang bersama PIBG serta pengurusan SYS.

Semoga bantuan yang diberikan dapat memberi keselesaan kepada murid dan tenaga pengajar ke arah membentuk komuniti yang lestari pada masa akan datang.



KEMPEN KELESTARIAN KESIHATAN PERSEKITARAN

DI BAWAH PROGRAM KEMAMPAKAN KOMUNITI BANDAR (PKKB) FASA 1 TAHUN 2023

Selesai sudah Program Kempen Kelestarian Kesihatan Persekitaran di bawah Program Kemampuan Komuniti Bandar (PKKB) yang berlangsung pada 19 Ogos 2023.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan khusus kepada komuniti penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah. Antara aktiviti yang tersedia antaranya ialah Plogging, Pertandingan Mewarna, dan Pertandingan Kolaj. Pertandingan Bola Jaring 3 On 3, Pertandingan Timbang Bola Takraw, Pertandingan Street Soccer, dan Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik turut diadakan.

Pertandingan berasaskan 3R seperti Pertandingan Peragaan Fesyen Dengan Barangan 3R Bertemakan Hari Kebangsaan, Pertandingan Reka Cipta Replika Monumen Bersejarah Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah Dengan Barangan 3R Bertemakan Hari Kebangsaan, Pertandingan Hiasan Motosikal Dengan Barangan 3R Bertemakan Hari Kebangsaan, Pertandingan Hiasan Kereta Dengan Barangan 3R Bertemakan Hari Kebangsaan.

Antara program sampingan termasuklah senamrobik, kaunter perkhidmatan MDBG, Eco Green Market - Pertukaran barangan kitar semula dengan barangan keperluan harian, Pemeriksaan Kesihatan, Kuiz Alam Sakitar, Cabutan Bertuah, dan Hadiah khas bagi pakaian terbaik sempena Bulan Kebangsaan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada peserta dan pemenang yang menyertai pertandingan-pertandingan yang dianjurkan. Semoga pembudayaan amalan hidup sihat dan kelestarian alam sekitar dapat sentiasa diteruskan oleh warga Batu Gajah.





RECYCLE



Save Energy



ZERO Plastic BAG





KEMPEN BATU GAJAH BERSIH, HIJAU, INDAH

Majlis Daerah Batu Gajah telah menganjurkan sebuah Program Pemurnian Tapak Sampah Haram dan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik seperti pada ketetapan berikut:

Tarikh : 17 Disember 2023 (Ahad)

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Ruang Legar, Aras 1 Econsave

Perasmian program telah disempurnakan oleh Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak.

Yang Berhormat juga telah mengedarkan beg kitar semula edisi khas kepada tetamu jemputan serta pelanggan pasaraya Econsave.

Bersama-sama kita melestarikan alam sekitar. Katakan **TIDAK** kepada beg plastik.



Sebagai persiapan awal untuk Tahun Melawat Perak, Silverlake Village Outlet (SVO) telah mengadakan sidang media bagi memperkenalkan taman didik-hibur dinasour pertama di negeri Perak yang berkonsepkan sains pra-sejarah, dihidupkan dengan teknologi terkini iaitu Realiti Terimbuh (Augmented Reality) dan Realiti Maya (Virtual Reality).

Sidang media tersebut turut dihadiri Yang Berhormat Encik Loh Sze Yee, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Negeri Perak, Encik Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah serta pengurusan tertinggi SVO.

Nantikan pembukaannya pada pertengahan Disember 2023.



DINOSAUR ENCOUNTER SILVERLAKES VILLAGE OUTLET



LAWATAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC) KE THE TREASURE@TAMAN HERBA GOPENG

09 Jun 2023 - Antara ikon lain sepanjang jajaran laluan utama menuju ke Pekan Batu Gajah selain Kellie's Castle adalah Taman Herba Gopeng. Pembangunan kemudahan dan acara pelancongan sedang dalam penyediaan sempena Tahun Melawat Perak 2024.

Lawatan diketuai oleh Setiausaha Majlis Daerah Batu Gajah, TPr. Andri Arif , Pengarah MOTAC Perak, En. Aminudin bin Abdul Majid dan pasukan teknikal.



LAWATAN PENANDA ARAS KE MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

21 September 2023 - Lawatan Penandaarasan ke Majlis Perbandaran Alor Gajah telah diketuai oleh Puan Nur Marlia binti Suratman, Ketua Jabatan Perbendaharaan. Lawatan ini telah disambut oleh Tuan Haji Mohd Bukhari Bin Baharuddin, Pengarah Jabatan Korporat & Khidmat Masyarakat dan Puan Marlini Binti Mohamed, Pengarah Kewangan MPAG.

Antara objektif lawatan ialah bagi memahami dengan jelas peranan dan gerak kerja yang telah dilaksanakan oleh MPAG berkaitan pengurusan kutipan tunggakan cukai taksiran am dan kutipan tunggakan pelbagai hasil (sewaan dan kompaun), memahami dengan jelas kaedah-kaedah yang diamalkan oleh MPAG berkaitan penilaian dan pengurusan harta secara tatarcara pelesenan; dan melihat kaedah atau tatarcara perolehan secara sebutharga/tender yang dilaksanakan oleh MPAG supaya dapat ditambahbaik dalam pelaksanaan sedia ada.



LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS DAERAH KAMPAR KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

29 Ogos 2023 (Selasa) - Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menerima kunjungan daripada Majlis Daerah Kampar bagi mempelajari lebih lanjut mengenai pelaksanaan sistem eLesen.

Lawatan yang diketuai oleh Encik Mohd Izham bin Ahmad telah disambut oleh Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah bersama-sama ketua-ketua jabatan. MDBG mengharapkan lawatan ini dapat membantu Majlis Daerah Kampar mendapatkan input-input yang perlu untuk dipraktikkan.

Komuniti penduduk Batu Gajah yang berniaga disaran bagi membuat permohonan lesen dan pembaharuan lesen perniagaan melalui pautan atas talian di <https://elesen.kpkt.gov.my>



LAWAT TAPAK BERSAMA YANG BERHORMAT (YB) TAN KAR HING, AHLI PARLIMEN GOPENG KE PASAR AWAM BATU GAJAH

26 Disember 2023 - Lawat tapak bersama YB Tan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng ke Pasar Awam Batu Gajah telah dilaksanakan bagi meninjau kebersihan serta infrastruktur yang wajar diperbaiki di Pasar Awam Batu Gajah.

Lawatan ini turut disertai jabatan teknikal dari Majlis Daerah Batu Gajah. Terima kasih YB kerana prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh peniaga pasar awam. Semoga lawatan ini dapat menambah baik fasiliti sedia ada demi keselesaan peniaga dan pengunjung.



PROGRAM ECO GREEN MARKET, E-WASTE DAN PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

23 Jun 2024 - Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Peribahasa yang membawa maksud sesuatu kejayaan tidak akan datang dengan sendirinya tanpa usaha gigih.

Begitulah jua usaha yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) bagi mengamalkan budaya menjaga alam sekitar ini tidak akan berhasil jika tiada usaha dan kerjasama dari semua pihak.

Sehubungan itu, satu program Eco Green Market, E-waste dan pengumpulan minyak masak terpakai telah diadakan melibatkan semua warga kerja MDBG. Alhamdulillah, sokongan yang diberi amat memberangsangkan.

Justeru, semua komuniti Batu Gajah digalakkan untuk bersama mengumpul barangan kitar semula yang boleh ditukar kepada barang harian yang dijadualkan berlangsung sepanjang tahun ini mengikut jadual yang telah ditetapkan.



PROGRAM PUBLISITI AWAL RANCANGAN TEMPATAN (RT) MAJLIS DAERAH BATU GAJAH 2035 (PENGANTIAN)

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) melalui Pejabat Projek Zon Tengah (PPZT) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) sedang dalam penyediaan Rancangan Tempatan (RT) Majlis Daerah Batu Gajah 2035 (Penggantian) bagi menggantikan Rancangan Tempatan sedia ada.

Program yang dihadiri seramai 100 orang ini melibatkan agensi kerajaan, swasta dan komuniti penduduk sekitar Batu Gajah. Semoga program ini dapat membantu dalam menghasilkan bandar Batu Gajah berwajah baru dan berdaya saing seiring dengan perkembangan semasa.





SESI LIBAT URUS KOMUNITI BERSAMA PENIAGA PASAR AWAM TRONOH DAN PASAR AWAM PUSING

26 Ogos 2023 -Sesi libat urus bersama peniaga Pasar Awam Tronoh dan Pasar Awam Pusing diketuai oleh Yang Berhormat Adun Tronoh, Encik Steven Tiew Tee Siang bersama Ahli Majlis serta pegawai dari Majlis Daerah Batu Gajah.

Tujuan sesi berlangsung adalah untuk memaklumkan kepada peniaga mengenai kerja-kerja menaiktaraf Pasar Awam Tronoh dan Pusing. Terima kasih diucapkan kepada peniaga yang memberi input-input diperlukan demi kepentingan bersama



SESI LIBAT URUS BERSAMA KOMUNITI PENIAGA-myPATIL

8 September 2023 - Menyahut seruan kerajaan bagi penggunaan aplikasi secara atas talian, Majlis Daerah Batu Gajah mengambil inisiatif bagi mengadakan Sesi Libat Urus Bersama Komuniti Peniaga bagi memperkenalkan myPATIL kepada komuniti peniaga dalam kawasan operasi Majlis Daerah Batu Gajah.

Sesi libat urus ini telah dirasmikan oleh Puan Sandrea Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Diharapkan sesi ini dapat memberi pendedahan serta manfaat kepada seluruh komuniti peniaga dalam kawasan operasi Majlis Daerah Batu Gajah dalam penggunaan aplikasi myPATIL bagi urusan pelesenan.



MYBG SENAM DAN SIHAT

22 Disember 2023 - Program MyBG Senam dan Sihat bagi penjawat awam telah diadakan pada 22 Disember 2023 pada jam 8.00 pagi. Program dimulakan dengan brisk walk sejauh jarak 3.0 km dan aktiviti penanaman pokok herba di Taman Awam Changkat. Aktiviti berakhir dengan senaman ringan. Semoga aktiviti ini dapat membantu meningkatkan kecergasan seterusnya meningkatkan produktiviti kerja.



PROGRAM KONVOI MOTOSIKAL DAN PERASMIAN PAPAN TANDA BATU GAJAH BIKERS TRAIL

28 Disember 2023 - Program Konvoi Motosikal dan Perasmian Papan Tanda Batu Gajah Bikers Trail telah diadakan sempena tahun melawat Perak 2024. Gandingan kerjasama antara Tourism Perak bersama Majlis Daerah Batu Gajah dalam usaha menyediakan platform promosi agar membolehkan destinasi dalam daerah dikenali umum.

Program ini merupakan salah satu pelengkap bagi aktiviti tersebut. Sebelum memulakan program, taklimat keselamatan diberikan oleh pegawai daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Gajah dan konvoi bermula dari Dataran Komuniti Batu Gajah hingga ke Kellie's Castle.

Program dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah bersama-sama dengan Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Perak, Ahli-Ahli Majlis serta Pengurus Kellie's Castle.

Terima kasih diucapkan kepada peserta-peserta konvoi yang turut hadir yang melibatkan daripada anggota Majlis Daerah Batu Gajah, Kampar Bikers Club serta komuniti yang lain. Semoga usaha mempromosikan Batu Gajah dan Negeri Perak dapat dilaksanakan secara bersama.



Old Papan Retro Event

Sempena Hari Malaysia 2023



Bagi menyemarakkan semangat patriotik di kalangan komuniti penduduk Batu Gajah, Komuniti Kampung Papan Lama dengan kerjasama Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menganjurkan program yang bertujuan menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia khususnya di Kampung Papan Lama.

Penganjuran kali ke dua tahun ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Loh Sze Yee, Exco Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak.

Selain aktiviti berunsur kemerdekaan, penganjur juga menerapkan nilai-nilai murni dengan menggalakkan penduduk mengitar semula sampah yang boleh digunakan semula seperti plastik, kertas dan botol kepada barangan keperluan harian dengan Team Eco Green MDBG. Syarikat Sheng Foong Plastics Sdn. Bhd. juga berbesar hati menaja tong kitar semula untuk kegunaan penduduk Kampung Papan Lama yang telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MDBG, Encik Mohamad Razif bin Ramli.

Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan kepada pengunjung seperti Pertandingan Busana Klasik Berbilang Kaum, Pertandingan Bercerita Sejarah, Pertunjukan Kereta Klasik, Pertandingan Mewarna dan lain-lain lagi..



SIDANG REDAKSI

Penasihat

Mohamad Razif bin Ramli, AMP.
Yang Dipertua

Ketua Editor

Shahiri bin Tan
Setiausaha

Penolong Ketua Editor

Makhlis bin Othman

Sidang Editor / Media Sosial

Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet
Nadhirah binti Hanifah
Nor Hazahayani binti MatZain

Reka Bentuk / Grafik

Fatin Hazwani Binti Tarmidzi

Fotografi

Muhamad Fitri bin Abdul Rahman
Nazrul Aswad bin Nazri
Syed Jamil Hasnan bin Shaikh Hassan

Diterbitkan oleh:

**Majlis Daerah Batu Gajah Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.**

Telefon : 05-363 2020

Faks : 05-366 5930

E-mel : pentadbiran@mdbg.gov.my

Facebook : www.facebook.com/mdbatugajah





Sekitar sesi Libat Urus Bersama Komuniti Peniaga bagi memperkenalkan myPATIL kepada komuniti peniaga dalam kawasan operasi Majlis Daerah Batu Gajah.

